

23/12/1997

Mahathir ziarah kakak ipar di hospital

SUNGAI PETANI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menziarahi kakak iparnya, Habsah Long, 78, yang menjalani rawatan di Hospital Pakar Metro, di sini.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menghabiskan kira-kira setengah jam menemui Habsah yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital swasta itu.

Kedua-dua mereka tiba di hospital berkenaan kira-kira jam 11.15 pagi. Turut sama, suami Habsah yang juga abang Dr Mahathir, Mahadi, yang menetap di sini.

Pegawai Eksekutif hospital itu, Dr Koe Hee Teik, berkata Habsah dimasukkan ke hospital itu Sabtu lalu selepas diserang penyakit angin ahmar.

(END)